

Percuma



www.jomsolah.com

أدب برقيام الليل *Adab Berqiyamullail*

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI) Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak



أدب برقيام الليل **Adab Berqiyamullail**

Kandungan oleh :

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

Grafik :

JOMSOLAH DOTCOM

Adab Berqiyammullail

Jom Solat (2013)

Cetakan 1437 H • 2016 Masihi

Buku Adab Berqiyamullail ini adalah percuma. **Tidak dibenarkan** mengeluar semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain untuk tujuan perniagaan atau perkara-perkara yang melibatkan keuntungan.

Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk penghasilan dan percetakan buku Adab Berqiyamullail ini.

"Ya Allah, terimalah amal kami yang sedikit ini dan jadikanlah amalan tersebut ikhlas semata-mata kerana mengharapkan redha-Mu."



Penerbit

JOMSOLAH DOTCOM
(002401187-M)

www.jomsolah.com
www.facebook.com/jomsolah



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Kata-Kata Aluan Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam, kaum keluarganya, para sahabatnya dan para pengikutnya.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku kecil Adab Berqiyamullail ini dapat diterbitkan untuk tatapan dan pandua para pembaca muslimin dan muslimat. Buku ini disusun oleh Ustaz Salehuddin bin Abu Samah, Penolong Pengurus, Jabatan Semaka Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Kuala Lumpur dan dibantu dari sudut grafiknya oleh JomSolah DotCom.

Pada hemat saya, buku kecil ini telah disusun dengan cara merujuk kepada sumber yang jelas dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik. Huraian ringkas tentang adab-adab berqiyamullail, dalil dan perincian yang berkaitan dengannya serta huraian tentang faktor-faktor yang boleh membantu untuk memudahkan untuk bangun mendirikan solat malam dibentangkan dengan cara yang mudah dan senang untuk difahami.

Mudah-mudahan, usaha ke arah mengajak masyarakat untuk melaksanakan ibadah qiyamullail dengan kaedah yang tepat seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ini akan diberkati Allah 'Azza Wa Jalla.

Sekalung tahniah diucapkan kepada para penyumbang dan para dermawan yang sudi mencetak buku ini untuk disebarluaskan kepadanya masyarakat.

Saya selaku Mufti Wilayah Persekutuan berharap agar buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua kelompok lapisan masyarakat. Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan lagi dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan menyebarkan buku yang bermanfaat ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah 'Azza Wa Jalla.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI".

S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Mufti Wilayah Persekutuan

PELUANG INFQAQ FISABILILLAH

UNTUK PERCETAKAN DAN PENYEBARAN BUKU TERBITAN
JOMSOLAH DOTCOM



Jazakumullahu khaira di atas sumbangan dan infaq daripada semua para penyumbang yang budiman. Semoga Allah Taala menerima amalan kita semua dan menjadikan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

جزاكم الله خيراً وبارك الله فيكم



No. Akaun **JomSolah DotCom**
5643 5150 8075 - Maybank Islamic

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ أَبْيَغَاةً
مَرْضَاتٍ لِلَّهِ وَتَشْيِتاً مِنْ أَنفُسِهِمْ
كَمَثَلٍ جَنَّةٌ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَأَبْلَى فَقَاتَتْ
أَكْلُهَا ضَعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبَهَا وَأَبْلَى
فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai).

Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

(Surah Al Baqarah, ayat 265)





Kandungan

Isi kandungan

m/s

Qiyamullail 6

Adab berqiyamullail 8

Faktor-faktor yang boleh membantu untuk
memudahkan bangun mendirikan solat malam 20

Doa Malam Lailatul Qadar 23

Rujukan 25





Qiyamullail merupakan amalan orang-orang soleh. Di dalam kegelapan malam, seorang mukmin bersunyi-sunyian bersama dengan tuhannya. Mereka bermunajat, mengadu dan memohon daripada Allah dengan penuh rasa khusyu' dan tawadhu'.



Adab Berqiyamullail

Di dalam melakukan ibadah qiyamullail ini, para ulama telah mengumpulkan beberapa adab yang berkaitan dengannya berdasarkan sunnah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam. Alangkah baik jika kita dapat memelihara adab-adab tersebut. Di antara adab-adab berqiyamullail adalah seperti berikut :



Adab Berqiyamullail

Adab-adab semasa berqiyamullail

1. Disunatkan menyebut nama Allah ketika bangun dari tidur untuk mendirikan solat malam sebagai mengikuti sunnah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam.
2. Bersugi terlebih dahulu sebelum mendirikan solat malam.
3. Membuka solat malam dengan dua rakaat yang ringan.
4. Meninggalkan qiyamullail apabila terlalu mengantuk.
5. Berdiri lama ketika mendirikan qiyamullail.
6. Membangunkan ahli keluarga untuk berqiyamullail bersama-sama.
7. Memperbanyak doa dan istighfar.
8. Tidak memaksa diri sehingga memudaratkan diri semata-mata kerana mahu bangun mendirikan solat malam.



Adab Berqiyamullail

Perincian

1 Disunatkan menyebut nama Allah ketika bangun dari tidur untuk mendirikan solat malam sebagai mengikuti sunnah Rasulullah Sollallahu Alaihi Wa Sallam.

Dalilnya

Imam Muslim meriwayatkan bahawa daripada Abu Salamah bin 'Abdurrahman bin 'Auf berkata : Aku pernah bertanya Ummul Mukminin A'isyah Radhiallahu 'Anha: Apakah bacaan yang dibaca oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ketika Baginda membuka solatnya ketika Baginda bangun mendirikan solat malam? A'isyah Radhiallahu 'Anha menjawab : Adalah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila bangun mendirikan solat malam, Baginda akan membuka solatnya dengan bacaan :



Adab Berqiyamullail

1

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرِيلَ، وَمِيكَائِيلَ، وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ،
عَالَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ
يَخْتَلِفُونَ. إِهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ يَإِذْنِكَ إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ
إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya : "Wahai Tuhan Jibrail, Mikail, Israfil, Pencipta langit dan bumi, Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Engkau yang menghukum apa yang hamba-hamba-Mu berselisihan di antara mereka. Tunjukkan daku kebenaran mengenai apa yang dipertikaikan dengan izin-Mu. Sesungguhnya Engkau menunjukkan sesiapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus".

(Riwayat Muslim).



Adab Berqiyamullail

1

Imam an-Nawawi rahimahullah berkata : Disunatkan bagi setiap orang yang bangun pada waktu malam untuk menyapu mukanya, bersugi, memandang ke langit dan membaca ayat pada penghujung Surah Ali 'Imran, bermula dari ayat 190 sehingga akhir.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الْأَيَّلِ
وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَئِكَ الْمُبَشِّرِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Surah Ali' Imran: 190)

Semua amalan tersebut adalah sahih berdasarkan riwayat al-Bukhari dan Muslim.



Adab Berqiyamullail

Perincian

2

Bersugi terlebih dahulu sebelum mendirikan solat malam.

Dalilnya

Daripada Huzaifah Radhiallahu 'Anhu berkata : **Adalah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila bangun untuk mendirikan solat malam, Baginda menyucikan mulutnya dengan bersugi. Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.**

Imam Ibnu Daqiq al-'Aidi rahimahullah menyebut di dalam kitabnya Ihkam al-Ahkam : Dalam hadis ini terdapat dalil bahawa disunatkan bersugi apabila bangun daripada tidur. 'Illahnya (sebabnya) ialah tidur menyebabkan bau mulut berubah, manakala bersugi pula adalah merupakan alat untuk menyuci mulut. Justeru, disunatkan bersugi apabila bau mulut berubah.



Adab Berqiyamullail

Perincian

3

Membuka solat malam dengan dua rakaat yang ringan.

Dalilnya

Imam Muslim meriwayatkan bahawa A'isyah Radhiallahu 'Anha berkata : **Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam** apabila bangun malam untuk mendirikan solat, Baginda akan membuka solat Baginda dengan mendirikan dua rakaat solat yang ringan.

Imam an-Nawawi menyebut di dalam syarahnya, hadis ini merupakan dalil bahawa disunatkan memulakan solat malam dengan dua rakaat solat yang ringan terlebih dahulu untuk menguatkan kesungguhan untuk meneruskan dengan tambahan rakaat yang seterusnya.



Adab Berqiyamullail

Perincian

4 Meninggalkan qiyamullail apabila terlalu mengantuk.

Dalilnya

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim meriwayatkan, daripada Aisyah Radhiallahu 'Anha, bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda : **Apabila seseorang di kalangan kalian mengantuk ketika dia sedang solat, maka hendaklah dia berbaring sehingga hilang mengantuknya itu. Jika seseorang di kalangan kalian solat dalam keadaan dia mengantuk, dia tidak tahu barangkali ketika dia merasakan dirinya sedang beristighfar, tetapi sebenarnya dia mencela dirinya sendiri.**

Imam an-Nawawi berkata : Di dalam hadith ini, Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam menyuruh supaya didirikan solat dalam keadaan khusyu', mengosongkan hati daripada perkara lain dan berada dalam situasi tubuh badan cergas. Dalam hadith ini juga disuruh kepada seseorang yang mengantuk, agar tidur atau melakukan sesuatu perkara lain yang boleh menghilangkan rasa mengantuknya terlebih dahulu.



Adab Berqiyamullail

Perincian

5

Berdiri lama ketika mendirikan qiyamullail.

Dalilnya

Daripada Jabir Radhiyallahu 'Anhu berkata : Telah bersabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam : Solat yang paling afdhal adalah berdiri lama ketika mendirikannya. Hadith riwayat Muslim.

Imam an-Nawawi berkata : Al-qunut di sini bermaksud al-qiyam (berdiri) menurut kesepakatan para ulama mengikut pengetahuanku.



Adab Berqiyamullail

5

Perincian

Berdiri lama ketika mendirikan qiyamullail.

Dalilnya

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'Anhu berkata : Pada suatu malam aku solat bersama dengan Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam. Baginda berterusan berdiri sehingga aku mahu melakukan sesuatu perkara yang tidak baik. Para sahabat bertanya : Apakah perkara yang tidak baik yang ingin engkau lakukan itu? Abdullah berkata : Aku mahu duduk dan membiarkan Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam meneruskan solat Baginda.

Imam Ibnu Hajar rahimahullah menyebut di dalam kitabnya Fath al-Bari : Daripada hadith ini, boleh diambil dalil bahawa Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam memilih memanjangkan solat malam Baginda. Sesungguhnya Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'Anhu adalah merupakan seorang yang kuat dan sangat menjaga ibadahnya agar bertepatan dengan cara yang dilaksanakan oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam. Beliau tidak mahu merasakan ingin duduk ketika solat bersama dengan Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam melainkan setelah beliau merasakan Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam berdiri terlalu lama melebihi kebiasaannya.



Adab Berqiyamullail

Perincian

6

Membangunkan ahli keluarga untuk berqiyamullail bersama-sama.

Dalilnya

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa, daripada Ali bin Abi Talib Radhiallahu 'Anhu, bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam mengejutkan beliau dan Fatimah Radhiallahu 'Anha anak Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pada suatu malam lalu bersabda : Adakah kalian berdua bangun mendirikan solat malam?

Ibnu Battal rahimahullah dalam mensyarahkan hadith ini berkata di dalam hadith ini terdapat kelebihan mendirikan solat malam dan mengejutkan orang tidur di kalangan ahli keluarga terdekat supaya bangun mendirikan solat malam.



Adab Berqiyamullail

Perincian

7

Memperbanyak doa dan istighfar.

Dalilnya

Imam Muslim meriwayatkan, daripada Jabir bin Abdullah Radhiallahu 'Anhu berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda : Sesungguhnya pada waktu malam, terdapat satu masa jika seseorang muslim berdoa memohon daripada Allah kebaikan daripada urusan dunia dan akhirat, nescaya Allah akan memakbulkannya. Peluang demikian terdapat pada setiap malam.



Adab Berqiyamullail

Perincian

8 **Tidak memaksa diri sehingga memudaratkan diri semata-mata kerana mahu bangun mendirikan solat malam.**

Dalilnya

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa, daripada A'isyah Radhiyallahu 'Anha berkata: Rasulullah masuk bertemu denganku dan ketika itu ada seorang wanita di sisiku. Baginda bertanya : Siapakah wanita ini? Lalu aku menjawab : Seorang wanita yang tidak tidur kerana mendirikan solat malam. Baginda bersabda : Hendaklah kalian beramal mengikut kemampuan. Demi Allah, Allah tidak jemu sehingga kalian jemu.

Al-Qadhi 'Iyad rahimahullah berkata : Secara zahirnya, jelas Baginda mengingkari sifat melampau dalam beribadah dan melakukan ibadah tersebut di luar kemampuan seseorang.

Kenyataan Baginda ini ditafsirkan dengan lebih jelas di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Malik rahimahullah di dalam kitabnya al-Muwatta', A'isyah Radhiyallahu 'Anha berkata : Baginda tidak menyukai tindakan wanita yang melampau dalam ibadahnya sehingga aku boleh mengetahuinya melalui wajah Baginda Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam.



Faktor-faktor yang boleh membantu untuk memudahkan bangun mendirikan solat malam

Di antara faktor-faktor yang boleh membantu untuk memudahkan bangun mendirikan solat malam adalah sepertimana yang diungkapkan oleh Imam al-Ghazali rahimahullah di dalam kitabnya yang masyhur iaitu kitab *Ihya' Ulumiddin*.

Imam al-Ghazali berkata : Ketahuilah bahawa bangun malam itu adalah sukar melainkan kepada sesiapa yang mendapat taufiq daripada Allah dengan syarat-syarat yang memudahkannya secara zahir dan batin.



Adab Berqiyamullail

Sebab-sebab zahir ada empat perkara seperti berikut :

1. **Tidak membanyakkan makan sehingga terdorong kepada banyaknya minum. Akibatnya dia akan mudah mengantuk dan badannya terasa berat untuk bangun qiyamullail.**
2. **Tidak memenatkan tubuh badannya dengan kerja-kerja berat pada siang hari sehingga mengakibatkan anggota badannya terasa lemah. Apabila terlalu letih, dia akan mudah tertidur.**
3. **Tidak meninggalkan qailulah (tidur sebentar pada siang hari).**
4. **Tidak melakukan dosa dan maksiat pada waktu siang. Sesungguhnya maksiat tersebut menyebabkan hati menjadi keras dan menjadi penghalang daripada mendapat rahmat Allah.**



Adab Berqiyamullail

Manakala sebab-sebab batin pula ada empat perkara seperti berikut :

1. **Memelihara hati daripada sifat hasad dan dengki ke atas muslimin yang lain serta memelihara hati daripada terjebak dalam perkara bid'ah dan melampau dalam urusan keduniaan.**
2. **Memenuhkan hati dengan sifat al-khauf (takut) kepada Allah serta memendekkan cita-cita kepada dunia.**
3. **Mengetahui kelebihan qiyamullail dengan mendengar ayat-ayat Allah, hadith dan athar serta kisah-kisah orang terdahulu.**
4. **Cinta kepada Allah dan kekuatan iman. Inilah faktor yang paling kuat dan paling mulia.**



Adab Berqiyamullail

Doa Malam Lailatul Qadar

Daripada Ummul Mukminin Aisyah RadhiAllahu Anha bahawa beliau pernah bertanya kepada Rasulullah Sollallahu Alaihi Wa Sallam:

Wahai Rasulullah, apakah pandanganmu jika aku tahu bilakah malam Lailatul Qadar, apakah doa yang akan kubaca pada malam tersebut?

Rasulullah Sollallahu Alaihi Wa Sallam menjawab: Engkau katakanlah :

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, sukaan kemaafan maka ampunkanlah dosaku."

Riwayat At-Tirmizi.

Qiyamullail

“Ya Allah, taufiqkanlah kami untuk melaksanakan ibadah qiyamullail dan kurniakanlah keikhlasan kepada kami dalam mendirikannya.”

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافِ أَلَيْلٍ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَئِكَ الْمُبَشِّرِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

(Surah Ali' Imran: 190)





Adab Berqiyamullail

www.jomsolah.com

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Sahih al-Bukhari
3. Sahih Muslim
4. Ihya' Ulumiddin
5. Hisnul Muslim oleh Syeikh Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahtani
6. Perisai Muslim oleh Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman

- Nota kuliah ini adalah ringkasan daripada kuliah panjang yang telah disampaikan.
- Sebahagian daripada nota ini memerlukan kepada huraian yang lebih terperinci.
- Sebarang pembetulan terhadap kesilapan yang ada amatlah dialu-alukan.
- Penyusun memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang ada.
- Sesungguhnya kesempurnaan adalah hanya milik Allah Taala.

Jom Solat telah diasaskan oleh Nadia Syazwani Binti Zahari (Nadia Zahari 1988-2013) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Syawal 1434H bersamaan 16 Ogos 2013.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

"Ya Allah, ampunkanlah dosanya, rahmatilah dia, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia."

Disediakan Oleh



**Ustaz Salehuddin
bin Abu Samah**

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI)
Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak
Panelis Tanyalah Ustaz TV9
Kolumnis Majalah Al-Ustaz)





www.jomsolah.com